BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 10/04/48 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Khamis, 28 Oktober 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN SEPTEMBER 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan sektor swasta lebih kukuh pada bulan September

Penunjuk monetari bertambah kukuh pada bulan September. Kekukuhan ini mencerminkan asas aktiviti ekonomi yang mapan. Sehingga kini, bulan September tahun ini mencatat jumlah tertinggi pembiayaan kasar yang diperoleh oleh sektor swasta, berjumlah RM47.2 bilion. Ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan Sekuriti Hutang Swasta (PDS) yang lebih tinggi. Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi menghasilkan peningkatan pinjaman dan kenaikan dalam bekalan wang secara luas. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan sektor swasta (pinjaman terkumpul sistem perbankan dan PDS terkumpul) tumbuh pada kadar tahunan 7.6% (7.1% pada bulan Ogos).

Pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mencatatkan pertumbuhan tahunan yang kukuh dalam pengeluaran pinjaman (15.2%), permohonan (38.8%) dan kelulusan (40.6%) pada bulan September. Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS berjumlah RM8.6 bilion, sementara kelulusan pinjaman kepada PKS terus meningkat, dengan sejumlah RM3.2 bilion diluluskan kepada 9,278 akaun PKS. Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul PKS meningkat 8.1% kepada RM86.1 bilion pada bulan September.

Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun lagi kepada 6.1% pada bulan September, iaitu paras terendah semenjak Krisis Asia.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 10/04/48 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Khamis, 28 Oktober 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN SEPTEMBER 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan sektor swasta lebih kukuh pada bulan September

Penunjuk monetari bertambah kukuh pada bulan September. Kekukuhan ini mencerminkan asas aktiviti ekonomi yang mapan. Sehingga kini, bulan September tahun ini mencatatkan jumlah tertinggi pembiayaan kasar yang diperoleh oleh sektor swasta, berjumlah RM47.2 bilion. Ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan Sekuriti Hutang Swasta (PDS) yang lebih tinggi. Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi menghasilkan peningkatan pinjaman dan kenaikan dalam bekalan wang secara luas. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan sektor swasta (pinjaman terkumpul sistem perbankan dan PDS terkumpul) tumbuh pada kadar tahunan 7.6% (7.1% pada bulan Ogos).

Pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mencatatkan pertumbuhan tahunan yang kukuh dalam pengeluaran pinjaman (15.2%), permohonan (38.8%) dan kelulusan (40.6%) pada bulan September. Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS berjumlah RM8.6 bilion, sementara kelulusan pinjaman kepada PKS terus meningkat, dengan sejumlah RM3.2 bilion diluluskan kepada 9,278 akaun PKS. Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul PKS meningkat 8.1% kepada RM86.1 bilion pada bulan September.

Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun lagi kepada 6.1% pada bulan September, iaitu paras terendah semenjak Krisis Asia.

Kadar faedah kekal rendah

Dalam tempoh 1 September – 27 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.68 – 2.70%, iaitu pada purata 2.69%.



Kadar antara bank semalaman kekal stabil



Kadar antara bank lain juga kekal stabil



Operasi mudah tunai menguncup pada bulan September bagi mengimbangi kesan aliran masuk luaran



Jumlah pembiayaan-deposit berada pada 89.8%

Kadar pemberian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil pada 5.98% dan 6.90% pada akhir September. Kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan menurun kepada 6.01% (6.09% pada akhir Ogos) dengan pinjaman baru yang dikeluarkan adalah pada kadar yang lebih rendah. Sementara itu, ALR syarikat kewangan meningkat kepada 8.76% (8.64% pada akhir Ogos) disebabkan terutamanya pindahan pinjaman yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan berikutan penggabungannya dengan sebuah bank perdagangan.



ALR bank perdagangan menurun selaras dengan pengeluaran pinjaman baru pada kadar yang lebih rendah.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Sep 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
15 Okt 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah …



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
Sep 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
15 Okt 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

…begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan adalah lebih rendah sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan September, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama dunia. Dolar AS menyusut nilai berbanding dengan euro dan sterling, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen. Dolar AS terjejas oleh kenaikan harga minyak serta kesannya yang bakal menimpa ekonomi AS. Kebimbangan terhadap kenaikan harga minyak juga dirasai oleh negara Jepun memandangkan ekonomi Jepun terlalu bergantung kepada minyak yang diimport. Yen menyusut nilai berbanding dengan dolar ekoran permintaan dolar yang meningkat untuk membiayai bil minyak yang lebih tinggi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur.

Dalam tempoh antara 1-27 Oktober, prestasi ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau. Dolar menyusut nilai apabila terdapat tanda-tanda bahawa harga minyak yang lebih tinggi menjejaskan pertumbuhan ekonomi AS.





Dalam tempoh 1-27 Oktober, ringgit menyusut nilai berbanding semua mata wang utama dunia

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Ogo 04	27 Okt 04	Ogo 04	Akhir Ogo 04 - 27 Okt 04	Akhir Dis 03 - 27 Okt 04	02 Sep 98 - 27 Okt 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.6826	4.8403	-2.6	-3.3	-1.3	-
Paun sterling	6.3708	6.8347	6.9656	-0.5	-1.9	-2.8	-8.5
100 yen Jepun	2.7742	3.4264	3.5491	0.6	-3.5	0.2	-21.8
Dolar Singapura	2.1998	2.2475	2.2787	-1.4	-1.4	-1.9	-3.5
100 baht Thai	9.3713	9.1644	9.2446	-0.5	-0.9	3.8	1.4
100 peso Filipina	8.8302	6.7517	6.7391	0.1	0.2	1.5	31.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0414	0.0417	-1.9	-0.7	7.5	-15.2
100 won Korea	0.2827	0.3295	0.3356	0.0	-1.8	-5.2	-15.8

Inflasi meningkat sedikit, terutamanya mencerminkan kesan cukai yang lebih tinggi ke atas beberapa barangan terpilih

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100) meningkat kepada 1.6% pada bulan September. Kenaikan ini disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi produk minuman dan tembakau berikutan peningkatan duti eksais yang diumumkan dalam Bajet 2005. Kadar inflasi tahunan purata untuk sembilan bulan pertama tahun 2004 ialah 1.2% (1.1% pada Januari-September 2003).



IHP kekal rendah pada 1.6%

Harga Pengeluar berubah selaras dengan harga minyak yang lebih tinggi

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada bulan Ogos dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12% (9.5% pada bulan Julai) disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih rendah sebanyak 1.6% (1.9% pada bulan Julai).



IHPR meningkat pada bulan Ogos

Wang secara luas berkembang dengan mapan

Pada bulan September, wang secara luas, M3, meningkat pada kadar tahunan 10.6% (10.1% pada bulan Ogos). Peningkatan M3 sebanyak RM8.6 bilion pada bulan September mencerminkan aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi dan penghantaran balik perolehan eksport yang mapan. Pertumbuhan M3 diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih Kerajaan yang lebih rendah berikutan simpanan deposit yang lebih tinggi di Bank Negara. Pada bulan September, dana bersih yang diperoleh oleh Kerajaan menerusi pasaran modal berjumlah RM3.7 bilion. Permintaan baki urus niaga meningkat dengan M1 bertambah pada kadar tahunan 14.9% pada akhir bulan September (12.8% pada akhir bulan Ogos). Peningkatan ini mencerminkan perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan.



Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 04	**Ogo 04**	**Sep 04**	**Jan - Sep 04**
M3	2.8	2.1	8.6	42.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.8	-0.9	-3.4	-10.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	-0.3	3.4	7.6	26.6
Pinjaman	*-0.5*	*3.0*	*6.3*	*28.6*
Sekuriti	*0.2*	*0.4*	*1.3*	*-1.9*
Operasi luar negeri bersih *	2.0	0.8	9.2	51.3
Pengaruh lain	-0.7	-1.1	-4.8	-25.1

* Sebelum penilaian semula

Deposit yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM10.3 bilion pada bulan September. Deposit yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan menyumbang terutamanya kepada peningkatan dalam jumlah deposit. Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan tahunan deposit sistem

perbankan meningkat kepada 11.1% pada akhir bulan September (10.2% pada bulan Ogos).

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 04	Jul 04	Ogo 04	Jan - Ogo 04
Kerajaan Persekutuan	686	-1,353	394	-507
Kerajaan Negeri	43	-283	588	966
Badan Berkanun [1]	46	-449	-5	-3,309
Institusi Kewangan	357	3,145	-56	8,613
Perusahaan Perniagaan	5,575	-1,434	258	14,250
Individu	1,207	-450	1,325	11,480
Lain-lain [2]	-978	405	379	1,336
Jumlah	6,937	-419	2,884	32,830

1/ Termasuk Kerajaan tempatan
2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Sektor perniagaan penyumbang utama

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 04	Jul 04	Ogo 04	Jan - Ogo 04
Deposit tetap	-11	2,979	-745	13,343
NID	790	371	316	4,523
Deposit permintaan	2,094	-1,768	1,924	2,223
Deposit tabungan	334	-728	144	1,654
Perjanjian beli balik (Repo)	1,825	-1,437	503	4,899
Deposit mata wang asing	-430	55	-55	-85
Deposit SPI	1,979	-188	907	4,416
Lain-lain	356	297	-111	1,857
Jumlah	6,937	-419	2,884	32,830

Dana yang lebih tinggi dalam hampir kesemua jenis deposit

Aktiviti pemberian pinjaman bank melonjak pada bulan September dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi kepada PKS

Sektor swasta memperoleh sebanyak RM47.2 bilion menerusi sistem perbankan dan pasaran kewangan pada bulan September. Ini merupakan jumlah perolehan bulanan terbesar yang dikumpul setakat tahun ini. Peningkatan dalam pembiayaan disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman sistem perbankan yang lebih tinggi sebanyak RM42.9 bilion (RM38.6 bilion pada bulan Ogos) dan terbitan PDS yang lebih tinggi sebanyak RM4 bilion (RM1.2 bilion pada bulan Ogos). Pada asas bersih, jumlah pembiayaan sektor swasta (pinjaman terkumpul sistem perbankan dan PDS terkumpul) meningkat pada kadar tahunan 7.6% (7.1% pada bulan Ogos).



Pembiayaan yang diberi kepada sektor swasta adalah lebih tinggi

Jumlah pengeluaran pinjaman meningkat pada kadar tahunan 13.1% pada bulan September (3.2% pada bulan Ogos) dengan pinjaman diberi terutamanya kepada sektor perkilangan dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel. Kadar pertumbuhan tahunan bagi kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan, iaitu jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman, masing-masing meningkat kepada 35.5% dan 20% (21.8% dan 14.4% pada bulan Ogos). Ini menunjukkan permintaan dana oleh sektor swasta adalah mapan. Secara keseluruhan, jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada asas tahunan 6.2% pada akhir bulan September (5.3% pada akhir bulan Ogos).

Dalam sektor perniagaan, aktiviti pemberian pinjaman adalah mapan pada bulan September. Pengeluaran pinjaman berjumlah RM29.2 bilion (RM26.2 bilion pada bulan Ogos) dan meningkat pada kadar tahunan 11.4% (4% pada bulan Ogos) dengan hampir kesemua subsektor mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi. Dalam sektor perniagaan, pemberian pinjaman bank kepada PKS bertambah kukuh dengan pengeluaran pinjaman, permohonan dan kelulusan yang lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor PKS meningkat pada kadar tahunan 15.2% pada bulan September (10.3% pada bulan Ogos), sementara permintaan dana oleh PKS seperti yang ditunjukkan oleh permohonan pinjaman meningkat pada asas tahunan 38.8% (8.4% pada bulan Ogos). Kelulusan pinjaman kepada PKS meningkat pada asas tahunan 40.6%, dengan sejumlah RM3.2 bilion diluluskan kepada 9,278 akaun PKS. Pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 8.1% pada bulan September untuk mencecah RM86.1 bilion (7.8% dan RM85.3 bilion pada bulan Ogos).

Sementara itu, pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah terus berkembang. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah berjumlah RM11.3 bilion, iaitu peningkatan pada kadar tahunan 16.2% (RM11 bilion dan 7.9% pada bulan Ogos). Permohonan pinjaman terus kekal pada paras yang tinggi sebanyak RM10.6 bilion atau peningkatan pada asas tahunan 19.2% (RM10 bilion atau 3.8% pada bulan Ogos).



Kesemua penunjuk pinjaman utama terus kekal pada paras yang tinggi



Pengeluaran pinjaman pada paras yang lebih tinggi meliputi kesemua sektor

Jumlah dana yang lebih tinggi diperoleh melalui pasaran PDS pada bulan September

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan September, iaitu berjumlah RM6.8 bilion (RM5.9 bilion pada bulan Ogos). Jumlah perolehan dana yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh terbitan PDS yang lebih besar (RM3.3 bilion; RM1.2 bilion pada bulan Ogos). Sebahagian besar dana diperoleh untuk tujuan pembiayaan semula dan penstrukturan semula. Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh adalah terutamanya melalui terbitan baru SKM 4/04, pembukaan semula SKM 3/04 dan terbitan baru GII 2/04 yang berjumlah RM5.7 bilion.



Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh oleh sektor swasta melalui pasaran PDS

IK BSKL ditutup lebih tinggi, iaitu pada paras 849.96 mata pada akhir bulan September (+2.7% semenjak akhir bulan Ogos). Prestasi pasaran adalah lebih baik berikutan pengumuman Bajet 2005, yang meliputi langkah-langkah cadangan meliberalkan pasaran modal Malaysia. Permodalan pasaran adalah lebih tinggi, iaitu pada paras RM672.6 bilion (+2.8% semenjak akhir bulan Ogos), sementara purata urus niaga harian bagi bulan September adalah lebih tinggi, iaitu pada paras 378.52 juta unit.

Walau bagaimanapun, sentimen pasaran pada bulan Oktober terjejas berikutan kebimbangan tentang kenaikan harga minyak. IK BSKL ditutup lebih tinggi sedikit, iaitu pada paras 851.17 mata pada 27 Oktober (+0.1% semenjak akhir bulan September). Permodalan pasaran adalah lebih rendah pada paras RM667.07 bilion (-0.8% semenjak akhir bulan September), sementara purata urus niaga harian bagi bulan Oktober adalah lebih rendah sedikit, iaitu pada paras 333.32 juta unit.



IK BSKL terjejas oleh kebimbangan tentang harga minyak yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa meningkat hasil daripada perolehan eksport yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM216.1 bilion atau AS$56.9 bilion pada 30 September 2004. Peningkatan sebanyak RM8.9 bilion (AS$2.4 bilion) pada bulan September disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang lebih tinggi serta aliran masuk dana potfolio dan pelaburan langsung asing. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik dividen dan pembayaran balik pinjaman luar negeri. Rizab terus meningkat kepada RM222.1 bilion (AS$58.5 bilion) pada 15 Oktober 2004. Kedudukan rizab mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan merupakan 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Rizab terus meningkat

Tahap permodalan kekal tinggi seiring dengan pembaikan dalam kualiti aset

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) bagi sistem perbankan masing-masing menurun dari 14.1% dan 11.5% kepada 13.6% dan 11.1%, disebabkan terutamanya oleh penggabungan di antara sebuah bank perdagangan dan sebuah syarikat kewangan. Sementara itu, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun kepada 6.1%, tahap terendah selepas krisis.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	2000	2001	2002	2003	Jul 04	Ogos 04	Sep 04
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	11.5	11.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.0	14.1	13.6
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.2	6.2	6.1
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,703	30,766	29,152	29,481	29,106
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.6

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk institusi perbankan Islam.

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) menurun kepada 6.1%

Penunjuk Kekukuhan Modal



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing menurun kepada 13.6% dan 11.1%

Bank Negara Malaysia
28 Oktober 2004

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 04		Ogos 04		Sep 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		47.3	8.0	47.4	6.0	47.1	5.8
M1		103.9	14.1	105.7	12.8	107.4	14.9
M2		451.2	12.1	467.0	14.7	483.5	17.9
M3		581.2	10.4	583.3	10.1	592.0	10.6
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		583.8	10.4	586.7	10.2	597.0	11.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		491.8	5.3	495.5	5.3	501.9	6.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		80.2		80.3		80.1	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		90.0		90.1		89.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		25.1	10.8	26.2	21.8	25.2	35.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.5	14.2	14.4	14.4	15.8	20.0
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.2	1.5	38.6	3.2	42.9	13.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		43.2	13.8	36.7	5.2	38.4	3.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		14.0		14.1		13.6	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.2		6.2		6.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		206.4		207.1		216.1	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		54.3		54.5		56.9	
Bilangan bulan import tertangguh		7.0		6.9		7.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.68 [2.70]		2.72 [2.70]		2.69 [2.69]	
	Seminggu	2.74 [2.73]		2.74 [2.74]		2.73 [2.72]	
	1 bulan	2.84 [2.80]		2.83 [2.80]		2.75 [2.79]	
	3 bulan	2.83 [2.82]		2.80 [2.81]		2.80 [2.83]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		6.00		6.09		6.01	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.8	1.3	105.8	1.4	106.2	1.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		148.6	9.5	152.7	12.0		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.5777		4.5621		4.6826	
Paun Sterling		6.9073		6.8007		6.8347	
100 Yen Jepun		3.3951		3.4478		3.4264	
Dolar Singapura		2.2034		2.2166		2.2475	
100 Baht Thai		9.1854		9.1182		9.1644	
100 Peso Filipina		6.7887		6.7559		6.7517	
100 Rupiah Indonesia		0.0414		0.0406		0.0414	
100 Won Korea		0.3245		0.3294		0.3295	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh dari sektor:	awam	1.8		4.4		3.2	
	swasta	2.4		1.5		3.6	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		834.0		828.0		850.0	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		664.7		654.3		672.6	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.